

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Komputer dijangkiti virus

BAGAIMANA untuk mengatasi masalah komputer yang dijangkiti *DNS Unlocker*?

-JOSH SHUA, PAHANG.

DNS Unlocker merupakan sejenis *malware* yang dikategorikan sebagai *Adware* dan *PUP (Potentially Unwanted Program)*. *Malware* ini juga dikenal pasti tergolong dalam sejenis *adware* bernama *CloudScout*. *Malware* ini melakukan penyamaran sebagai aplikasi yang berupaya mencapai mana-mana laman web yang disekat. Kadangkala *malware* ini menggunakan nama atau pendekatan lain seperti *powered by DNS*, *powered by DNSUnlocker*, *brought by DNS Unlocker* dan lain-lain.

Malware ini biasanya dipakejkan bersama-sama dengan mana-mana perisian percuma. *Malware* ini juga berupaya menjangkiti mana-mana jenis aplikasi pelayar web. *Malware* ini sebenarnya akan mengumpul segala maklumat berkaitan aktiviti pengguna yang dijangkiti dengan capaian Internet seperti laman web yang dilayari, maklumat lokasi dan maklumat pencarian maklumat.

Kesan-kesan jangkitan *malware DNS Unlocker*

- Jangkitan akan menyebabkan sesebuah komputer menjadi semakin perlahan operasinya.
- Kesalahan kritikal berlaku dalam sistem Windows.
- Pengambilan masa yang terlalu lama untuk penyediaan sesuatu operasi dalam komputer.

Pembuangan *malware DNS Unlocker*

- Kemas kini sistem komputer dan perisian antivirus yang digunakan.
- Buka semula komputer dan masuk ke dalam mod selamat atau Safe Mode.
- Pembuangan *malware* dalam sistem Windows. Pergi ke program Control Panel > Programs and Features > Uninstall a program.
- Seterusnya buang mana-mana Directory atau Folder yang mengandungi *malware* ini.
- Buang *malware* ini sekiranya masih terdapat pada program Startup.
- Seterusnya pembuangan *malware* ini daripada mana-mana aplikasi pelayar web yang digunakan menerusi fungsi Plug-ins, Extension atau Add-ons.
- Seterusnya buang apa sahaja maklumat berkenaan *Malware* ini yang terkandung dalam Windows Registry. Pergi ke ruangan Search, taip Regedit.
- Sila semak maklumat konfigurasi DNS dalam komputer dan pastikan konfigurasi itu betul.
- Larikan dan imbas sekali lagi komputer yang dijangkiti dengan menggunakan Removal Tool seperti SpyHunter dan Malwarebytes Anti Malware.